

## PEMBELAJARAN ZAKAT SECARA ATAS TALIAN

### *Learning Zakat Online*

Nur Nazira Binti Rahim <sup>i</sup> & Hasanah Binti Abd Khafidz <sup>ii</sup> Zulkefli Bin Aini <sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar Siswazah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, [ana\\_nazira@yahoo.com](mailto:ana_nazira@yahoo.com)

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, [hasanah@ukm.edu.my](mailto:hasanah@ukm.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, [zulaini@ukm.edu.my](mailto:zulaini@ukm.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Pembelajaran atas talian merupakan medium penting dalam era globalisasi yang terkesan daripada revolusi industri 4.0. Ia merupakan medium bagi menyebarkan dan mengembangkan sesuatu maklumat khususnya berkaitan pembelajaran zakat. Pembelajaran mengenai zakat secara atas talian boleh dicapai melalui medium seperti Youtube, laman sesawang, media sosial dan aplikasi. Kaedah pembelajaran berbantuan teknologi ini mempunyai keunikan tersendiri dari segi penyampaian kandungan mengenai zakat kepada pengguna. Walaubagaimanapun pembelajaran zakat secara atas talian umumnya merupakan satu bentuk pembelajaran mikro dan ilmu asas sahaja yang menyebabkan pengguna tidak dapat menguasai topik-topik secara menyeluruh. Oleh itu, kajian dilakukan untuk mengkaji kandungan pembelajaran zakat secara atas talian. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Hasil kajian mendapatkan terdapat kekurangan kandungan pembelajaran zakat secara atas talian berbanding kandungan yang dibahaskan oleh fuqaha dalam sumber tekstual. Sehubungan dengan itu, implikasi daripada kajian ini ialah ahli akademik perlu membangunkan satu medium pembelajaran atas talian yang lebih lengkap dan menyeluruh.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> zakat, pembelajaran atas talian (online), revolusi industri 4.0, e-learning</p>	<p><i>Online learning is an important medium in the era of globalization affected the industrial revolution 4.0. It is a medium to disseminate information and develop something specifically related to learning zakat. Learning about zakat through online learning can be achieved through mediums such as Youtube, website, social media and applications. The technology-assisted learning has its own peculiarities in terms of content delivery to user. However, learning about zakat on-line generally is a form of micro learning and basic knowledge that caused the user to lose control of the topics thoroughly. Therefore, the study was carried out to study the content of learning zakat on-line. The methodology of this study users thematic content analysis. The study found that there is a lack of learning of zakat on-line compared with the content debated by jurists in textual sources. Accordingly, the implication of this study is that academics should develop a medium of online learning which a more complete and comprehensive.</i></p> <p><b>Keywords:</b> zakat, online learning (online), the industrial revolution 4.0, e-learning</p>

## 1.0 PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam keempat yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Ia mempunyai kepentingan bagi membangunkan ekonomi masyarakat Islam serta membantu fakir miskin menjalani kehidupan sebagaimana masyarakat yang lain. Menyedari potensi zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi, pembelajaran zakat perlu diperkasakan supaya dapat membantu masyarakat untuk lebih memahami fungsi zakat dengan baik. Justeru itu, pembelajaran zakat pada masa kini sangat penting untuk dikuasai oleh setiap individu muslim kerana kefahaman tentang zakat akan mempengaruhi kepada keputusan pembayaran zakat oleh individu. Di Malaysia, pembelajaran zakat kini boleh didapati dan dipelajari secara atas talian (*online*).

Sejajar dengan perlaksanaan Revolusi Industri 4.0 atau Industri 4.0 mewarnai gaya hidup dan tindakan masyarakat dunia. Ia memerlukan semua pihak bertindak pantas seiring dengan pembangunan pesat dalam produk berteknologi dan sistem automasi lebih pintar. Menjelang 2019, Malaysia antara negara yang sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan Revolusi 4.0. Secara umumnya, ia melibatkan *Internet of Things* (IOT) atau Internet Kebendaan dalam hampir semua aspek kehidupan seharian yang menjurus kepada elektrik dan revolusi industri ketiga yang lebih kepada penggunaan teknologi maklumat (IT) (Ismail Sualman, 2019).

Secara sedar atau tidak cara hidup dan tindakan kita ditentukan oleh teknologi revolusi ini. Justeru, mereka yang tidak mahu berubah akan digangu dan ditinggalkan oleh teknologi baharu. Kepesatan teknologi sekarang bergerak begitu pantas dan seluruh dunia sedang bergelut untuk mencipta dan pencetus dalam menguasai teknologi ini. Malaysia sepatutnya menggunakan peluang dan ruang sepenuhnya dan bergerak aktif

menggunakan Revolusi 4.0. Sekiranya cabaran teknologi baharu yang kompleks itu tidak diberi penekanan sewajarnya, ia boleh menyebabkan Malaysia jauh ketinggalan dalam persaingan di peringkat global.

Sehubungan itu, sistem pendidikan kini semakin terdedah kepada dunia yang berunsurkan teknologi digital seperti pengkomputeran awan (*cloud computing*), Internet, dan media sosial disebabkan oleh perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 sehingga tercetusnya pula istilah Pendidikan 4.0 (Azizah & Tuan Mastura, 2018). Perkembangan ICT menjanjikan potensi besar, terutama dalam pendidikan, iaitu dengan mengubah cara seseorang belajar, cara memperoleh maklumat, cara menggunakan setiap maklumat, dan sebagainya.

Justeru itu, pembelajaran secara atas talian ini penting bagi menyebarkan dan mengembangkan sesuatu maklumat khususnya berkaitan sistem zakat. Sebelum ini tidak ada teknologi berkaitan zakat yang dapat menyebarkan maklumat dengan begitu pantas dan menjimatkan masa serta tenaga. Oleh yang demikian, penggunaan internetkini telah menjadi suatu kemahiran asas bukan sahaja kepada setiap individu yang sentiasa mencari maklumat tetapi juga kepada setiap institusi yang ingin melebarkan maklumat mengenai organisasi serta fungsi mereka menerusi laman sesawang masing- masing (Faisol, 2014). Senario yang berlaku ini jelas membuktikan bahawa internet merupakan medium yang terpenting bagi memasarkan maklumat kepada pelanggan secara pantas dan terkini.

Dalam realiti hari ini, masyarakat banyak belajar mengenai zakat secara mikro iaitu pembelajaran topik-topik kecil secara tidak teratur. Contohnya, pembelajaran zakat melalui medium Youtube channel Zakat Selangor TV, selain terdapat berita terkini tentang laporan Zakat Selangor, terdapat juga maklumat berkaitan zakat yang diterangkan secara infografik, kuliah yang

diterangkan secara ringkas dan tidak begitu menyeluruh. Hal ini menimbulkan persoalan tentang kandungan pembelajaran zakat atas talian. Oleh yang demikian, kajian dilakukan bertujuan untuk mengkaji kandungan pembelajaran zakat secara atas talian.


## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kandungan pembelajaran zakat secara atas talian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu data dan maklumat diperolehi daripada kajian analisis kandungan. Kandungan yang digunakan ialah bahan-bahan penyelidikan lepas, jurnal, buku dan juga laman sesawang. Kesemua data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti. iaitu secara tematik dan deskriptif. Tema- tema tertentu akan dibina berdasarkan analisis kandungan kemudian dibincangkan secara deskriptif.

## **3.0 DAPATAN KAJIAN**

### **3.1 Medium Pembelajaran Zakat Secara Atas Talian**

Terdapat empat tema yang diperolehi daripada analisis yang dilakukan terhadap medium pembelajaran zakat secara atas talian. Medium yang digunakan dalam mempelajari zakat ialah Youtube, laman sesawang, aplikasi zakat dan juga media sosial. Di dalam tema- tema ini terdapat beberapa sub tema yang diperolehi seperti di dalam Rajah 1:



Rajah 1: Tema-Tema Medium Pembelajaran Zakat Secara Atas Talian

Pembelajaran secara atas talian di Malaysia semakin rancak dengan adanya kewujudan internet begitu juga pembelajaran mengenai zakat. Kebanyakan organisasi pusat zakat telah melalui proses ledakan teknologi maklumat yang akhirnya telah mempengaruhi pengurusan organisasi mereka dalam menyebarkan maklumat tentang zakat. Kemunculan internet serta perkembangan dalam pemprosesan dan penyimpanan data pada tahun 1990-an telah banyak mengubah persekitaran dan kepentingan penggunaan teknologi maklumat (ICT) di kalangan institusi dan masyarakat. Kewujudan ICT telah menyumbang perubahan yang ketara dalam cara penyampaian dan penyebaran maklumat dan perkhidmatan di kalangan institusi kepada para pelanggan. Di samping itu, perkhidmatan atas talian akan memudahkan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan atau maklumat dengan lebih cepat dan mudah. Malaysia telah memulakan beberapa langkah untuk memastikan teknologi maklumat (ICT) memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat dan memudahkan perkhidmatan kepada umum (Mohsin, 2006).

## I. Aplikasi

Bagi tema pertama, medium yang digunakan dalam pembelajaran zakat secara atas talian ialah aplikasi zakat. Terdapat pelbagai aplikasi zakat di *Playstore* dan *Appstore* yang telah dibuat bagi tujuan memudahkan rakyat Malaysia menunaikan kewajipan zakat dan mendapat ilmu dan info-info berkaitan zakat. Tiga aplikasi yang paling sarat dengan informasi zakat untuk rakyat Malaysia ialah ZakatN9, i-Zakat, Zakat Klik Pahang. Perbandingan kandungan pembelajaran melalui medium aplikasi boleh dilihat dalam Jadual 1:

**Jadual 1: Perbandingan Kandungan Pembelajaran Zakat Melalui Aplikasi**

Tema	ZakatN9	i-Zakat	Zakat Klik Pahang
Info Institusi	/	X	/
Info Asas Zakat	/	/	/
Info Kaedah Pembayaran Zakat	/	/	/

Berdasarkan Jadual 1, ZakatN9 adalah salah satu penyampaian perkhidmatan elektronik atas talian yang baharu diperkenalkan oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan bertujuan untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan zakat yang lebih baik kepada rakyat khususnya di Negeri Sembilan. Aplikasi ZakatN9 akan menjadikan institusi zakat lebih cekap dan efektif, memudahkan perkhidmatan, membolehkan akses yang lebih meluas kepada maklumat zakat, dan membuat institusi zakat lebih bertanggungjawab kepada rakyat. Aplikasi ZakatN9 ini boleh dimuat turun secara percuma di *Playstore* untuk versi *Android* dan *Appstore* untuk versi *iOS*.

Aplikasi ini telah dilengkapi dengan pengisian mengenai beberapa aspek. Pertama, berita-berita terkini berkenaan Pusat Zakat Negeri Sembilan. Kedua, adalah bahagian info zakat. Bahagian ini terdiri daripada pengertian zakat di

sisi agama Islam menurut bahasa dan syarat. Selain itu, ia juga menitikberatkan tentang hikmah yang diperolehi apabila melakukan ibadah zakat. Ketiga ialah cara bayaran. Bahagian cara bayaran mengandungi pelbagai pilihan seperti bagaimana caranya melakukan perbankan melalui SMS, mesin ATM, perbankan telefon dan e-zakat *pay*. Selain itu aplikasi ini turut menyediakan peta ke kaunter zakat setiap cawangan, malah setiap cawangan itu, diberikan alamat yang lengkap dan talian untuk dihubungi. Jelas di sini segala maklumat yang terkandung dalam aplikasi ini sangat padan dan banyak memberikan manfaat kepada masyarakat Islam.

Selain itu, penubuhan aplikasi iZakat juga telah diperkenalkan oleh individu persendirian yang bertujuan untuk memperkenalkan cara mudah membayar zakat melalui aplikasi ini. Sekiranya pada era 90-an dahulu, pembayaran zakat hanya tertumpu di kaunter-kaunter zakat, tetapi sekarang trendnya mula berubah selaras dengan kemajuan teknologi masa kini seperti luasnya penggunaan telefon pintar dalam kalangan masyarakat. Pengisian dalam aplikasi iZakat ini terdiri daripada beberapa bahagian antaranya cara bayaran. Setelah pengiraan dibuat, para pengguna boleh terus membuat bayaran menggunakan telefon pintar mereka. Pembayaran zakat boleh dibuat menerusi bank-bank yang menyertai FPX seperti RHB Bank, Bank Islam, Maybank, Public Bank, CIMB Bank dan Hong Leong Islamic Bank. Aplikasi ini juga turut menyediakan info zakat yang berkaitan dengan syarat-syarat wajib zakat, jenis-jenis zakat, fatwa zakat, kadar pembayaran fidyah dan nisab zakat. Nisab zakat sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain itu, bagi yang ingin membayar zakat di kaunter, iZakat telah menyediakan maklumat mengenai lokasi pusat pembayaran zakat seperti alamat, nombor telefon dan faks, waktu urusan kaunter dan peta lokasi. Ia bertujuan memudahkan pembayar membayar zakat tanpa perlu mencari lokasi kerana segala maklumat terdapat di dalam aplikasi iZakat ini.

Selain itu, bagi aplikasi seterusnya ialah Zakat Klik Pahang. Di dalam aplikasi ini, terdapat maklumat pengenalan zakat dari sudut pengertian, rukun, syarat sah menunaikan zakat dan syarat wajib menunaikan zakat. Terdapat juga info yang diterangkan secara ringkas mengenai jenis-jenis zakat contohnya zakat emas dan perak, zakat tanaman, zakat ternakan, zakat perniagaan, zakat galian, zakat wang simpanan, zakat saham dan zakat pendapatan. Tambahan juga terdapat F.A.Q ‘Frequently Ask Question’ iaitu segala persoalan kebiasaan ditanya atau timbul oleh masyarakat dari tiga jenis –jenis zakat iaitu zakat pendapatan, zakat emas dan perak serta zakat perniagaan. Sebagai contoh, apakah yang dikatakan sebagai zakat mal al-mustafad, adakah perlu dizakatkan jika kita memiliki perniagaan, hasil pendapatan dari sumber haram adakah perlu dizakatkan, persoalan emas yang dipakai tidak wajib dizakatkan dan banyak lagi. Terdapat juga berita zakat, glosari zakat dan nisab bagi jenis zakat.

## II. Laman Sesawang

Bagi tema yang kedua ialah pembelajaran zakat melalui medium laman sesawang. Pengkaji telah memilih beberapa laman sesawang yang terdiri daripada laman sesawang zakat negeri, laman sesawang universiti dan laman sesawang individu. Perbandingan kandungan pembelajaran melalui medium laman sesawang boleh dilihat dalam Jadual 2:

**Jadual 2: Perbandingan Kandungan Pembelajaran Zakat Melalui Laman Sesawang**

Tema	Zakat Negeri Selangor	Zakat UKM	Perseorangan
Info Institusi	/	/	Blog Peribadi
Info Asas Zakat	/	/	/
Info Kaedah Pembayaran Zakat	/	/	X
Berita Semasa	/	/	X

Antara topik yang dibincangkan dalam pembelajaran zakat secara online menerusi laman sesawang zakat negeri iaitu Lembaga Zakat Selangor ialah menyediakan maklumat dan keterangan terperinci berkaitan dengan zakat. Penerangan ini merangkumi berita terkini mengenai zakat, sejarah Lembaga Zakat Selangor dan misinya, persoalan mengenai zakat, masalah asnaf dan sebagainya. Selain itu, laman sesawang ini juga memaparkan tentang pembayaran zakat secara online di bank-bank tertentu. Laman sesawang ini juga turut memberikan maklumat tambahan kepada pelanggannya berkaitan nisab semasa zakat, statistik kutipan dan agihan serta tawaran-tawaran biasiswa zakat untuk golongan yang memerlukan. Laman sesawang LZS ini juga turut mengandungi informasi terkini seperti keputusan syariah zakat Selangor, fatwa zakat Selangor serta laporan aktiviti zakat. Penerangan yang terperinci ini, membolehkan para pelanggan memahami zakat dengan lebih mendalam dan seterusnya menarik pelanggan dan menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat.

Melalui carian laman sesawang zakat universiti yang ditubuhkan antaranya ialah laman sesawang rasmi Zakat UKM. Laman sesawang ini dianggap begitu komprehensif dari sudut penyediaan kepelbagaiannya maklumat dan info terkini tentang pelaksanaan zakat di UKM. Pelbagai info zakat terkini seperti kutipan zakat, agihan zakat, tarikh permohonan bantuan zakat kepada pelajar, serta bantuan yang diberikan oleh Pusat Zakat UKM. Selain itu, laman sesawang ini juga menyediakan berita terkini mengenai laporan aktiviti pusat zakat seperti agihan zakat kepada asnaf kakitangan, bantuan zakat universiti bagi pelajar ditimpa musibah, kempen lapan kepada lapan dan sebagainya.

Seterusnya, melalui carian laman sesawang individu dalam bentuk blog yang dipilih ialah laman sesawang Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid. Beliau merupakan Ketua Jabatan Perundingan Kutipan (Dakwah Kutipan), Lembaga

Zakat Selangor (MAIS), pengendali bersama [facebook.com/lembagazakatselangor](https://facebook.com/lembagazakatselangor) dan juga merupakan penulis tetap di pelbagai media umum dan media rasmi Lembaga Zakat Selangor dan beliau juga seorang *motivator* dan penceramah jemputan di pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta. Secara keseluruhannya, tidak banyak laman sesawang berkaitan zakat dibangunkan oleh orang perseorangan atau individu. Laman sesawang beliau ringkas dan padat dengan senarai perkara penting seperti artikel berkaitan fiqh ibadah dan fiqh harta, dan khususnya mengenai fiqh zakat. Beliau juga turut menyediakan satu ruangan khas akademik yang mengandungi artikel berkaitan zakat seperti Sistem Perundangan Zakat diMalaysia: Antara Realiti dan Harapan, Implikasi Zakat terhadap Sistem Percukaian Negara, Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia, Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia dan terdapat banyak lagi isu-isu terkini yang dikongsikan oleh beliau.

### III. Youtube

Tema yang ketiga ialah pembelajaran zakat melalui Youtube. Youtube adalah salah satu medium yang digunakan masyarakat untuk mendapatkan maklumat. Walaubagaimanapun, kandungan sesuatu video itu tidak mencakupi seluruh pembelajaran. Perbandingan kandungan pembelajaran melalui medium *Youtube* boleh dilihat dalam Jadual 3:

**Jadual 3: Perbandingan Kandungan Pembelajaran Zakat Melalui Youtube**

Tema	Zakat Selangor TV	Zakat Kedah	Rakaman Kuliah
Berita Semasa	/	/	X
Info Asas Zakat	/	X	/

Misalnya, channel Zakat Selangor TV. Siaran Zakat Selangor TV terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Inspirasi Zakat, Salam Dhuha, Tanyalah

Ustaz Zakat, *Live Facebook* Lembaga Zakat Selangor, Infografik serta Zakat & Anda. Kesemua bahagian ini membincangkan topik yang tertentu antaranya di bahagian Inspirasi Zakat video terkini yang dimasukkan pada 17 Jun 2019 menceritakan tentang isu semasa Zakat Selangor seperti laporan mengenai 52 syarikat membayar zakat perniagaan sehingga jumlah terkumpul adalah 5.4 juta. Selain itu, di dalam video Inspirasi Zakat turut berkongsi cerita tentang Kisah Asnaf Mualaf serta laporan mengenai LZS menyerahkan lapan buah van mobiliti OKU. Bahagian Tanyalah Ustaz Zakat membincangkan tentang topik zakat yang berbeza-beza antaranya zakat ternakan, golongan yang perlu menunaikan zakat, harta yang wajib dizakatkan dan isu seperti adakah asnaf fakir miskin wajib menunaikan zakat.

Bahagian *Live Facebook* Zakat Selangor hanya memuat naik video ceramah anjuran Zakat Selangor. Bagi bahagian infografik, channel Zakat Selangor TV memuat naik info mengenai Zakat Fitrah, Zakat Pendapatan, Cara Pembayaran Zakat Secara Online, Cara mengira Zakat Perniagaan dan lain-lain lagi. Bahagian terakhir ialah, Zakat dan Anda yang mengandungi topik seperti Keberkatan Zakat di Bulan Ramadhan, Program Pembangunan Ekonomi, Zakat Emas dan Perak, Program Pembangunan Sosial serta Zakat Padi dan Pertanian.

Seterusnya, channel Zakat Kedah hanya mempunyai satu bahagian iaitu Berita Zakat Kedah. Bahagian ini memuat naik isu-isu semasa tentang bantuan zakat yang diberikan kepada penduduk Kedah. Contohnya, laporan terkini pada 20 Jun 2019 mengenai Zakat Kedah Food Bank. Sebanyak tujuh masjid daerah Sik telah dijadikan sebagai Pusat Penempatan Zakat Kedah Food Bank. Selain itu, Lembaga Zakat Kedah juga telah memberi bantuan bina rumah kepada asnaf akibat kebakaran rumah. Di akhir berita zakat Kedah ini, penyampai berita turut memaklumkan saluran yang disediakan oleh Zakat

Kedah iaitu jom.zakatkedah.com.my bagi membolehkan penduduk Kedah mentaksir, membayar, mengemaskini, dan mencetak penyata zakat.

Selain itu, melalui medium Youtube, pengguna juga kebiasaannya menggunakan carian umum seperti kuliah atau ceramah berkaitan zakat. Carian yang ditemui adalah seperti rakaman ceramah dari Ustaz Azhar Idrus yang merupakan penceramah bebas di Malaysia. Selain itu juga terdapat rakaman ceramah dari Ustaz Don Daniyal. Kesemua rakaman ini kebiasaannya di rakam oleh penonton bukan dari pihak pengajur. Justeru kesahihan video rakaman yang tidak merangkumi keseluruhan ceramah ini boleh menimbulkan salah faham dari pengguna Youtube kerana kandungan yang dijumpai tidak lengkap. Sebagai contoh, rakaman video Ustaz Azhar Idrus yang hanya membincangkan mengenai siapa yang wajib membayar zakat fitrah, waktu wajib membayar zakat dan juga berkenaan salah faham berkaitan pembayaran zakat perniagaan dan zakat emas yang juga dilakukan dalam bulan Ramadhan. Selain itu, hasil carian di Youtube mengenai kuliah zakat lebih banyak diperolehi dari Negara Indonesia yang mungkin sedikit sebanyak berbeza dari segi penerangan, kadar bayaran berbanding di Malaysia.

#### IV. Media Sosial

Bagi tema medium pembelajaran zakat secara atas talian yang terakhir adalah menerusi media sosial. Antara saluran yang digunakan pengguna ialah aplikasi *Facebook* dan *Instagram*. Walaubagaimanapun pengkaji mendapati penggunaan melalui *Facebook* lebih tinggi kerana banyak maklumat boleh diperolehi berbanding aplikasi *Instagram*. Capaian yang ditemui menerusi laman (page) zakat yang dijumpai di *Facebook* yang dikendalikan oleh institusi di Malaysia antaranya ialah halaman Lembaga Zakat Selangor, Tabung Amanah Zakat UKM, serta Pusat Pungutan Zakat MAIWP. Perbandingan

kandungan pembelajaran melalui medium media sosial boleh dilihat dalam Jadual 4:

**Jadual 4: Perbandingan Kandungan Pembelajaran Zakat Melalui Media Sosial**

Tema	Facebook	Instagram
Berita Semasa	/	/
Info Asas Zakat	/	/

Kandungan yang terdapat dalam halaman Lembaga Zakat Selangor terdiri daripada maklumat berkaitan isu semasa seperti bantuan kepada asnaf. Selain itu, ia mengandungi info-info terkini seperti kadar nisab terkini di negeri Selangor, info mengenai zakat pendapatan yang diterangkan secara artikel. Selain itu rakaman kuliah ataupun ceramah anjuran Pusat Zakat Selangor turut dimuat naik di dalam laman tersebut. Laman Lembaga Zakat Selangor ini juga turut menganjurkan Pertandingan Cipta Video Inspirasi Kreatif anjuran LZS yang bertemakan tarbiah dan dakwah berkaitan bantuan zakat. Selain itu juga, laman ini turut memuat naik poster yang mengandungi kata-kata hikmah berkaitan Islam khususnya mengenai zakat. Laman seterusnya adalah Tabung Amanah Zakat UKM. Laman ini bertujuan untuk memberi makluman mengenai Zakat UKM kepada mahasiswa khususnya dengan memuat naik info-info terkini seperti tarikh penjadualan temuduga bantuan zakat kepada mahasiswa, jenis sumbangan yang disediakan oleh Pusat Zakat UKM kepada mahasiswa dan kakitangan UKM khususnya. Selain itu, laman ini turut berkongsi artikel-artikel agama dan poster yang mengandungi kata-kata hikmah. Laman Pusat Pungutan Zakat MAIWP juga turut menumpukan kepada isu-isu terkini seperti bantuan yang diberikan daripada Zakat MAIWP kepada masyarakat asnaf seperti kes terbaru iaitu pihak Zakat MAIWP memberi bantuan wang tunai dan makanan kepada mangsa kebakaran. Secara keseluruhannya pengkaji mendapati medium

media sosial ini lebih mengandungi isu-isu semasa dan gerak kerja pusat-pusat zakat berbanding kandungan mengenai pembelajaran zakat.

Seterusnya, melalui aplikasi *Instagram*, kandungan mengenai zakat boleh didapatkan melalui akaun Zakat Selangor, Zakat Kedah, Zakat Pahang, Zakat Penang dan Pusat Pungutan Zakat MAIWP yang aktif memuat naik maklumat terkini. Pengkaji mendapati kesemua akaun ini mengandungi bahan yang sama yang dimuat naik di laman *Facebook* seperti laporan bantuan yang diberikan kepada asnaf, poster-poster maklumat berkaitan zakat serta info-info terkini tentang bayaran zakat dan sebagainya.

#### 4.0 KESIMPULAN

Pembelajaran secara atas talian dilihat sebagai satu medium informasi yang semakin meluas dan memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat berkaitan zakat. Selain itu ia juga berperanan besar dalam memastikan informasi terkini yang berkaitan dengan zakat dapat disalurkan dengan tepat dan pantas tanpa sempadan. Hal ini kerana dengan menggunakan pembelajaran atas talian, para pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini dengan mudah dan cepat tanpa mengira tempat.

Sungguhpun demikian, masih terdapat kekurangan bagi pembelajaran zakat secara atas talian ini iaitu perbezaan dari segi kandungan dan maklumat yang diperolehi pengguna hanyalah sedikit, tidak menyeluruh dan tidak mendalam, tidak seperti kandungan yang terdapat di dalam buku fiqh zakat yang tersohor. Hal ini kerana, tiada satu medium khusus yang dijadikan sebagai platform bagi pengguna untuk mempelajari zakat secara atas talian. Justeru itu, kekurangan ini perlu diatasi segera dengan mewujudkan satu medium pembelajaran atas talian khas untuk mempelajari zakat dengan menyediakan maklumat dan informasi zakat yang lengkap dan terkini.

Jika permasalahan ini dapat diatasi, sudah pasti segala maklumat berkaitan zakat terletak di hujung jari masyarakat Islam. Mereka tidak ketinggalan jika tidak dapat menghadiri kelas kerana pembelajaran zakat secara atas talian boleh diakses di mana-mana sahaja. Selain itu mereka juga akan lebih prihatin tentang kepentingan dan kewajipan berzakat.

## PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh:

1. Kerangka Pembelajaran Atas Talian Secara Massive Open Online Course (MOOC) Mengenai Zakat, Geran Galakan Penyelidikan (GGP), Kod: GGP-2017-089.
2. Model Pembelajaran Imersif Teradun Bagi Memahami Zakat, Skim Geran Penyelidikan Fundamental-Anugerah Pemikiran dan Reka Bentuk Semula KPM, Kod: FRGS-APRS/1/2017/SSI09/UKM/03/2.

## RUJUKAN

Aplikasi i-Zakat. Dicapai pada 30 Jun 2019.

<http://play.google.com/store/app/izakat>

Aplikasi Zakat Klik Pahang. Dicapai pada 30 Jun 2019.

<http://play.google.com/store/app/my.zakatpahang>

Aplikasi Zakat N9. Dicapai pada 24 Julai 2019.

<http://play.google.com/store/app/zakatN9>

Blog Persendirian. Laman Sesawang Persendirian. Dicapai pada 1 Jun 2019. [www.hamizul.com](http://www.hamizul.com)

Ismail Sualman. 2019. *Revolusi Industri 4.0 Paradigma 2019*.

<https://www.sinarharian.com.my/article/4662/KOLUMNIS/Revolusi-Industri-40-paradigma-2019>. 10 Julai.

Lembaga Zakat Selangor. Laman Facebook Lembaga Zakat Selangor.

Dicapai pada 5 Julai 2019. <https://www.facebook.com/zakatselangor/>

Lembaga Zakat Selangor. Laman Sesawang Lembaga Zakat Selangor.

Dicapai pada 1 Jun 2019. <http://www.zakatselangor.com.my>

Mohd Faisol Ibrahim. 2014. Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang. *Jurnal Pengurusan* 42: 119 – 130. Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohd Faisol Ibrahim, Suhaina Musani. 2010. *Perkembangan Sistem Zakat di Malaysia Melalui Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Web: Zakat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah

Mohsin Hj. Ahmad. 2006. Implementation Of Electronic Government In Malaysia: The Status And Potential For Better Service To Public. *Public Sector ICT Management Review* 1(1): 2-10

Nor Azizah Binti Junid & Tuan Mastura Binti Tuan Soh. 2018. Tinjauan Terhadap Tahap Pengetahuan, Kefahaman Dan Kesediaan Guru Sains Dalam Menghadapi Transformasi Pendidikan Era Revolusi Perindustrian 4.0. *e-prosiding Kolokium Pendidikan Sains & Psikologi e-* ISBN: 978-967-2224-25-9

Pusat Pungutan Zakat MAIWP. Laman Facebook Pusat Pungutan Zakat MAIWP. Dicapaipada 5 Julai 2019.  
<https://www.facebook.com/myzakat/>

Tabung Amanah Zakat UKM. Laman Facebook Tabung Amanah Zakat UKM. Dicapai pada 5 Julai 2019.

<https://www.facebook.com/Tabung-Amanah-Zakat-UKM->

Zakat Selangor TV. Laman *Youtube* Zakat Selangor TV. Dicapai pada 4 Julai 2019. <https://www.youtube.com/user/LZStube>

Zakat Kedah Channel. Laman *Youtube* Zakat Kedah Channel. Dicapai pada 4 Julai 2019.

<https://www.youtube.com/channel/UCMNUjuu0UZQP7Chg81ivcag>

Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia. Laman Sesawang Zakat UKM. Dicapai pada 1 Jun 2019. [www.ukm.my/zakat/](http://www.ukm.my/zakat/)

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*